

Headline	Pandai buluh		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 May 2019	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	107,609
Page No	23TO25	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	1969 cm ²
Journalist	LAUPAJUNUS	AdValue	RM 38,916
Frequency	Daily	PR Value	RM 116,748



RABU • 08.05.2019 **UTUSAN MALAYSIA** mohdazli@upm.edu.my

Mega sains

f mega utusan m

HARI ini buluh bukan lagi sekadar untuk membuat lemang tetapi teknologi telah membuktikan banyak inovasi bernilai tinggi dihasilkan daripada buluh yang buluh. Kerja-kerja ini dilakukan oleh mereka yang pakar dan mempunyai kreativiti yang luar biasa.

Pandai buluh

Headline	Pandai buluh		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 May 2019	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	107,609
Page No	23TO25	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	1969 cm²
Journalist	LAUPAJUNUS	AdValue	RM 38,916
Frequency	Daily	PR Value	RM 116,748

Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com

SEBAGAI sebuah negara tropika, banyak pokok yang tumbuh di negara ini dimanfaatkan untuk tujuan komersial atau menambah pendapatan. Selain kelapa, kewa dan tanaman komoditi utama.

Satu lagi pokok yang boleh memberi kelebihan jika diusahakan dalam skala ekonomik adalah buluh.

Terdapat 1,300 spesies buluh di dunia dan 70 daripadanya berada di negara ini dengan 13 daripada jumlah tersebut yang berpotensi dikomersialkan.


Buluh tempatan mempunyai sifat-sifat seperti berakar dan mempunyai tunas serta tumbuh dalam bentuk perdu.

Selain buluh untuk menghasilkan krafangan dan produk serta inovasi yang boleh dikomersialkan, terdapat spesies yang boleh dijadikan industri kecil dan sederhana (IKS) makanan seperti buluh madu.

Ketahanan buluh antara faktor yang memberi kelebihan terutama untuk dijadikan struktur tetapi sifat-sifat lain yang tidak kurang pentingnya adalah memiliki warna semula jadi, permukaan yang cantik dengan motif alam, berkilat dan mudah dilenturkan selepas melalui proses tertentu.

Menyedari akan kehebatan pokok tersebut, maka banyak pihak memanfaatkan buluh sebagai bahan asas kepada inovasi bernilai tinggi termasuklah perabot dan kini menjadi antara yang penting bagi bahan produk bukan kayu.

Melebur buluh... hasilkan inovasi



KHAIRUL AIDIL AZLIN ABD. RAHMAN (kiri) menjelaskan sesuatu kepada pengunjung mengenai inovasi berdasarkan buluh pada Hari Terbuka Inovasi Faikulti Reka bentuk dan Seni Reka di UPM Serdang, baru-baru ini.

Malah buluh juga terkenal dengan sifatnya yang mempunyai lapisan luar yang menarik manakala ketebalan strukturnya memberi hasil lebih banyak apabila dituai dan ini memberi satu kekuatannya pada bahan tersebut yang setara dengan kayu keras.

Meskipun terdapat banyak spesis buluh yang berpotensi untuk dikomersialkan, tetapi Lembaga Industri Perkayuan Malaysia (MTIB) menyenaraikan lima spesies yang berpotensi untuk dikomersialkan

dan tujuan perlindungan berdasarkan kajian oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Buluh yang disyorkan untuk perlindungan semantan (*Gigantochla scortechnii*), beting (*Gigantochla levis*), betis (*Giganthochla wrayi*), betong (*Dencrocalamus asper*), buluh hitam (*Gigantochla atrorviolacea Widjaja*).

Oleh kerana ciri cirinya itu, buluh sebenarnya satu aset semulajadi yang boleh dimanfaatkan untuk pelbagai kegunaan dan menjadi satu teknologi industri desa

INFO

Spesies buluh komersial

- Buluh semantan
- Buluh beting
- Buluh beti
- Buluh tumpat
- Buluh madu
- Buluh betong
- Buluh duri
- Buluh galah/gilan
- Buluh minyak
- Buluh gading
- Buluh lemang/nipis
- Buluh semeliang
- Buluh dinding/kasap



ANTARA perabot buluh pada pameran Ekspos Perabot Malaysia 2019 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.



DR. NAZLINA SHAARI menerangkan kepada pengunjung mengenai ciptaanannya.

Headline	Pandai buluh		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 May 2019	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	107,609
Page No	23TO25	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	1969 cm²
Journalist	LAUPAJUNUS		
Frequency	Daily	AdValue	RM 38,916
		PR Value	RM 116,748



DEKORASI dinding berasaskan buluh .

yang popular bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Melayu tetapi juga suku kaum Kadazandusun dan Bidayuh . Setiap kaum mempunyai tradisi kesenian dan kebudayaan berasaskan buluh yang menjadikan inovasi tertentu sama ada sebagai kraftangan, struktur bangunan malah peralatan tertentu seperti tikar , siling garpu dan sudu serta dan alat muzik.

Orang dulu-dulu menggelar kejiranan tertentu sebagai pandai sama ada Pandai Buluh atau Pandai Besi bagi menunjukkan kehebatan mereka dalam bdiang bidang tertentu.

Maka dengan memiliki kemahiran dalam seni jraf dan pertukangan sebagai contoh ,

digunakan untuk memberi nilai tambah dalam inovasi sedia ada.

Walau bagaimanapun industri tersebut telah berkembang sesuai dengan reka bentuk dan karakter buluh dan sangat sesuai dalam penghasilan produk kontemporari yang bernilai tinggi.

Seorang pakar teknologi buluh tempatan, **Prof Dr. Khairul Aidil Azlin Abd Rahman** berkata, aplikasi berdasarkan buluh kini semakin bernilai dengan adanya pelbagai teknologi .

Sejak dahulu pun katanya ketika ketidadaan teknologi lain dan didorong oleh ketidadaan teknologi komposit, laminasi yang membolehkan banyak inovasi dihasilkan. Maka berdasarkan kreativiti dan imaginasi pandai buluh atau pakar buluh seperti berjaya menghasilkan sofa ,meja makan, set tamu, lampu hiasan, *wall planter stool* dan material pembungkusan seperti sabun buku.

Malah beliau yang juga profesor di Jabatan Reka Bentuk Perindustrian Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina, Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, menyedari akan kepentingan produk berdasarkan buluh, beliau dan sekumpulan penyelidik menganjurkan *Bamboo Utilization For Life and Urban Housestyle* (BULUH) bertujuan menguar-uarkan beberapa produk berdasarkan buluh baru-baru ini.

Beberapa inovasi berdasarkan buluh diketengahkan dalam pameran tersebut sebagai membuktikan potensi industri tersebut pada masa depan.

Dalam pada itu beliau memberitahu, pihaknya telah memberperoleh geran bagi membantu komuniti bagi menaiktaraf produk berdasarkan buluh dalam kalangan pengusaha untuk dikomersialkan sebagai produk baharu.

Projek tersebut telah dimulakan di Sik Kedah dengan menaiktaraf pelbagai jenis produk untuk dijual di Langkawi Kedah.



**ANTARA
inovasi
perabot
daripada
buluh**